



PERDANA
LEADERSHIP
FOUNDATION
YAYASAN
KEPIMPINAN
PERDANA

PERDANA LIBRARY
PERDANA LEADERSHIP FOUNDATION
NEWSPAPER CLIPPING

Newspaper	Sinar Harian
Date	19/10/2012

Tun M nafi jadi punca perpecahan Melayu

Sinar Harian 19/10/12

RAHAYU MUSTAFA

KUALA TERENGGANU – Tun Dr Mahathir Mohamad semalam menafikan tindakannya memecat Datuk Seri Anwar Ibrahim daripada kerajaan pada 1999 menjadi penyebab bermulanya perpecahan orang Melayu.

Sebaliknya mantan Perdana Menteri itu berkata, perpecahan orang Melayu di negara ini sudah pun berlaku apabila tokoh negarawan, Allahyarham Datuk Onn Jaafar mencadangkan supaya orang bukan Melayu boleh menyertai parti itu.

Bagaimanapun, menurut Tun Mahathir, cadangan Datuk Onn ditolak dan mendorong Allahyarham menubuhkan parti lain ketika itu.

Begitu juga dengan pe-



MAHATHIR

nubuhan Malayan Union oleh British dan kesannya telah mencetuskan pelbagai konflik dalaman Umno termasuk wujud golongan ulama daripada parti itu yang kemudiannya mengambil keputusan menubuhkan Pas.

Selain itu, kata Tun Mahathir, tindakan Tengku Razaleigh Hamzah yang menubuhkan parti serpihan



ANWAR

Semangat 46 (S46) turut membuktikan telah berlaku perpecahan kalangan orang Melayu ketika itu.

“Jadi, nak kata kerana saya pecat Anwar (penyebab mula berlaku perpecahan orang Melayu) tak benarlah,” katanya ketika menjawab soalan peserta pada sesi dialog selepas menyampaikan ucapan pada Majlis Bicara Negarawan,

Pemantapan Profesionalisme, Transformasi Budaya Kerja dan Pentadbiran Pegawai-pegawai Tadbir Negeri Johor, Kedah, Kelantan dan Terengganu di Taman Tamadun Islam (TTI), semalam.

Menurutnya, Anwar tidak layak menjadi Perdana Menteri kerana Ketua Umum PKR itu mempunyai ‘karakter yang tidak boleh sebagai pemimpin’.

“Apakah kita nak pilih orang macam ini sebagai pemimpin, orang macam ini tidak dibenarkan ganti saya (ketika Tun Mahathir menjadi Perdana Menteri). Dia harus disingkirkan.

“Dalam mesyuarat MT (Majlis Tertinggi) dengan sebulat suara bersetuju Anwar dikeluarkan daripada Umno, bukan keputusan saya seorang,” katanya.